Bahasa Yunani

Bahasa Yunani atau **Bahasa Greek** (Tulisan Jawi: بهاس يونانى) adalah bahasa Indo-Eropah dengan 3,500 tahun sejarah yang didokumentasikan. Bahasa ini juga dianggap sebagai salah satu bahasa tua yang masih bertahan hingga kini dengan jumlah kosa kata lebih kurang 600.000 kata. Kini, ia dituturkan oleh 15 juta orang di Yunani, Cyprus, bekas Yugoslavia, terutamanya pada bekas Yugoslav Makedonia Utara, Bulgaria, Albania, dan Turki. Terdapat juga banyak kaum emigran Yunani di seluruh dunia, seperti yang terdapat di Melbourne, Australia di mana populasi kaum tersebut merupakan kependudukan ketiga terbesar dari keseluruhan bandar-bandar di dunia selepas Athens dan Thessaloniki.

Bahasa Yunani ditulis menggunakan abjad khas yang dipanggil abjad Yunani, huruf betul yang pertama, sejak abad ke-9 S.M dan sebelum itu, dalam Linear B dan dalam ejaan sukuan Cypriot.

Kesusasteraan Yunani mempunyai tradisi yang panjang dan kaya.

Bahasa Yunani	
	Ελληνικά *Ellinika*
Asli di	Yunani, Cyprus baik juga komuniti-komuniti di Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Jerman, Turki, Albania, Georgia, Itali dan Mesir.
Penutur asli	15 juta (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Indo-Eropah ▪ Yunani ▪ Attik ▪ **Bahasa Yunani**
Sistem penulisan	Abjad Yunani
	Status rasmi
Bahasa rasmi di	Yunani, Cyprus, Kesatuan Eropah dan diakui sebagai bahasa minoriti di Itali dan Albania.
	Kod bahasa
ISO 639-1	`el`
ISO 639-2	`gre` (B) `ell` (T)

Pautan luar

- Portal Bahasa Yunani (http://www.greek-language.gr/greekLang/index.html) Universiti Aristoteles Thessaloniki - mengenai pendidikan bahasa dan kajian linguistik Yunani
- komvos.edu.gr (http://www.komvos.edu.gr/), laman sesawang bantuan untuk mereka yang mempelajari bahasa Yunani.
- Hellenistic Greek Lessons (http://greeklinguistics.com/grammar) - panduan tatabahasa bahasa Yunani Helenistik dalam talian.

Rencana berkaitan bahasa ini ialah rencana tunas. Anda boleh membantu Wikipedia dengan mengembangkannya (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Yunani&action=edit).

Wikipedia ***Bahasa Yunani***, ensiklopedia bebas

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Yunani&oldid=4571598"

Laman ini kali terakhir disunting pada 06:18, 28 April 2019.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.